

Kejatuhan nilai ringgit bukan kerana masalah ekonomi dunia

PETALING JAYA - Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli bersejua dengan kenyataan Gabenor Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz mengenai ringgit tidak perlu ditambah kepada dolar Amerika.

Rafizi mendakwa, kejatuhan ringgit bukan disebabkan oleh masalah ekonomi dunia tetapi berpunca daripada masalah negara.

"Ia juga bukan disebabkan oleh pasaran semasa yang huru-hara, masalah ekonomi dan kewangan dunia.

"Tetapi disebabkan oleh isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Perdana Menteri,

Datuk Seri Najib Tun Razak. Jika dapat diselesaikan, saya yakin ringgit akan kembali pulih," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat PKR, semalam.

Sebelum ini, Zeti memaklumkan sekiranya ringgit ditambah, perkara lain akan melaras, sama ada harga atau keadaan permintaan dan perkara itu mungkin mempunyai kesan besar ke atas ekonomi Malaysia.

Jelasnya, kerajaan tidak merancang sebarang langkah seperti kawalan modal kerana Malaysia mempunyai mekanisme yang melaras kepada keadaan ekonomi tertentu.

Mengulas mengenai perkara tersebut, Pengarah Strategik Parti

Amanah Negara (Amanah), Dr Dzulkefly Ahmad yang turut serta dalam sidang media berkenaan berkata, sekiranya ringgit ditambah kepada dolar Amerika, ia hanya akan memberi kesan buruk kepada negara.

"Tambahan ringgit bukan penyelesaian kepada trend penurunan mata wang negara. Sebaliknya kita perlu berusaha memulihkan ringgit tanpa perlu ditambah.

"Dalam situasi sekarang, jika ringgit ditambah ia hanya akan menyebabkan nilai mata wang negara jatuh lebih rendah berbanding mata wang lain di dunia," katanya.